



16 FEB, 2026

## Dasar ekonomi kukuh bantu firma Malaysia berkembang

Berita Harian, Malaysia



# Dasar ekonomi kukuh bantu firma Malaysia berkembang

Prestasi meningkat disokong pelaksanaan strategi kerajaan yang konsisten

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Daya tahan ekonomi Malaysia yang kukuh serta pelaksanaan dasar secara konsisten oleh kerajaan membantu syarikat termasuk di bawah Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) untuk terus berkembang dan mencatatkan prestasi berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan global.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir, berkata walaupun berdepan persekitaran yang mencabar pada

2025, keseluruhan portfolio Khazanah kekal berdaya tahan dengan aset bersih berjumlah RM105 bilion dan mencatatkan pulangan sebanyak 5.2 peratus.

Beliau berkata, sebahagian besar pegangan Khazanah kekal dalam syarikat senarai awam Malaysia dengan antaranya CIMB Group Holdings Bhd, Telekom Malaysia Bhd (TM), Axiata Group Bhd dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

"Sebahagian besar pertumbuhan yang kami lihat di Malaysia dan dalam syarikat kami sebenarnya disebabkan oleh pertumbuhan dan dasar ekonomi negara yang sangat kukuh.

"Konsistensi dalam pelaksanaan dasar sebenarnya telah membantu syarikat terus berkembang," katanya dalam satu temu bual eksklusif.

Ekonomi Malaysia berkembang kukuh sebanyak 5.2 peratus pada 2025, melangkaui unjuran rasmi kerajaan antara 4.0 peratus hingga 4.8 peratus serta anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 4.9 peratus.

### Portfolio pelaburan Khazanah berkembang

Setakat akhir 2025, portfolio pelaburan Khazanah berkembang daripada RM81 bilion pada 2018 kepada RM95 bilion, disokong oleh prestasi kukuh ekuiti domestik dan global, pelaksanaan inisiatif penciptaan nilai serta kepelbagaian merentas portfolio.

Dana kekayaan berdaulat Malaysia itu turut merekodkan keuntungan daripada operasi sebanyak RM5.6 bilion dan membayar dividen berjumlah RM2 bilion kepada kerajaan Malaysia, sekali gus mengukuhkan peranannya

sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Mengulas lanjut, Amirul Feisal berkata, jika dibandingkan dengan negara jiran, prestasi ekonomi Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan global berterusan.

Menurutnya, antara pelaksanaan dasar yang konsisten, termasuk pelaksanaan subsidi bersasar RON95 yang manfaatnya disalurkan kepada program Sumbangan Asas Rahmah (SARA), selain usaha berterusan memperkasa gaji kehidupan wajar.

Katanya, pelaksanaan dasar yang konsisten oleh kerajaan membolehkan syarikat merancang dan berkembang dengan lebih yakin, sekali gus mempercepat kitaran pertumbuhan.

"Tahun 2024 menyaksikan momentum ekonomi yang meningkat ketara, manakala 2025 memperlihatkan peningkatan lebih tinggi walaupun dalam suasana pasaran global yang tidak menentu.

"Keadaan ini membuktikan bahawa ekonomi Malaysia bukan sahaja berdaya tahan, malah terus berkembang di sebalik persekitaran yang mencabar," katanya.

Bagi tahun ini, Amirul Feisal berkata, fokus utama Khazanah adalah mempercepat pelaksanaan strategi sedia ada bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Katanya, dengan asas ekonomi yang stabil serta komitmen berterusan terhadap pelaburan domestik, prospek pertumbuhan dilihat kekal positif.

“Sebahagian besar pertumbuhan yang kami lihat di Malaysia dan dalam syarikat kami sebenarnya disebabkan oleh pertumbuhan dan dasar ekonomi negara yang sangat kukuh”



Amirul Feisal Wan Zahir,  
Pengarah Urusan Khazanah